



Gambaran konflik politik dalam kalangan masyarakat Sabah

Che Abdullah Che Ya

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondence: Che Abdullah Che Ya (email: cheabd@ukm.edu.my)

Abstrak

Makalah ini bertujuan meneliti konflik politik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Sabah berdasarkan novel *Busa Hati* karya ArenaWati. Apa yang digambarkan oleh ArenaWati melalui karyanya ini pastinya bertolak daripada realiti pergolakan politik yang berlaku dan diterjemahkan dalam bentuk realiti kreatif. Antara konflik politik yang digambarkan oleh pengarang termasuklah pertentangan ideologi, perebutan dan penyelewengan kuasa, politik wang dan rasuah, politik etnik dan amalan lompat parti. Kajian mendapati, melalui *Busa Hati* pengarang merakamkan kembali konflik politik yang berlaku di Sabah dalam bentuk realiti kreatif.

Kata kunci: konflik, lompat parti, politik wang, permusuhan, perebutan kuasa, realiti kreatif.

Description of political conflicts among the people of Sabah

Abstract

This article aims to examine the political conflicts that occurred in the community of Sabah, described by Arena Wati in his novel *Busa Hati* (2002). What is illustrated by ArenaWati through his novel is derived from the reality of the political turbulence, and it was translated in the form of a creative reality. The political conflicts envisioned by the author include ideological conflict, struggle and political malpractice of power, money politics and corruption, ethnic and political party leap. The study concludes that through *Busa Hati*, the author revealed the occurrence of the past political conflicts in Sabah in the form of creative reality.

Key words: conflict, jump party, political money, hostilities, power struggle, creative realities.

Pengenalan

Karya sastera lahir daripada pengalaman dan pengetahuan seseorang pengarang yang diadun pula dengan imaginasi, kreativiti dan wawasan. Apa yang berlaku di persekitaran akan memberi bahan kepada pengarang untuk menghasilkan karya sastera. Pergolakan yang berlaku dalam masyarakat akan dilukiskan kembali oleh pengarang lewat karya-karya mereka. *Busa Hati* berkisar kepada persoalan politik yang berlaku di Sabah. Antara persoalan yang dikemukakan oleh pengarang termasuklah pertentangan ideologi, Perebutan dan penyelewengan kuasa, politik wang, rasuah dan amalan lompat parti. Turut dibincangkan pengarang konflik politik etnik di Sabah. Permasalahan yang berlaku turut menyangkut pula pada persoalan percanggahan

hubungan antara negeri Sabah dengan kerajaan persekutuan. Menurut Junaidi Awang Besar dan rakan-rakan (2012: 26) senario politik Sabah agak unik dengan pelbagai isu. Menurut mereka;

“Senario politik Sabah amat menarik untuk dikaji kerana sejarahnya adalah lebih kurang sama mengikut era pemerintahan parti politik local di Sabah. Latar belakang pergolakan politik kepatian di Sabah adalah berteraskan isu etnik, agama, hak Sabah dan perebutan kuasa tertinggi dalam pentadbiran kerajaan Sabah. Pergolakan politik di Sabah bermula dengan penubuhan USNO-SCA yang kemudian berpecah seterusnya terkubur dan tertubuhnya BERJAYA. Akibat pemecatan segelintir pemimpin BERJAYA maka tertubuhlah PBS. PBS terus memerintah kerajaan negeri Sabah hingga BERJAYA lemah dan menghilang begitu sahaja...”

Persoalan inilah yang digarapkan kembali oleh Arena Wati melalui karya kreatif beliau *Busa Hati*. Novel ini merupakan novel kedua daripada Trilogi Busa yang beliau hasilkan dan diterbitkan oleh penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2002. Selain *Busa Hati* yang berkisar kepada permasalahan politik Sabah, dua buah novel lagi iaitu *Busa Sukma* dan *Busa Kalbu* berkisar kepada permasalahan politik Sarawak dan Semenanjung. Melalui *Busa Hati* Arena memaparkan penyelewengan yang dilakukan oleh orang politik. Beberapa isu politik semasa Sabah seperti pertentangan ideologi, permusuhan, penindasan dan kekejaman, politik wang dan rasuah, politik etnik dan lain-lain digambarkan oleh pengarang. Untuk melihat semua persoalan itu, penulisan ini akan mendekatinya dari perspektif konflik.

Konflik bermaksud pertentangan yang terjadi antara individu atau kelompok tertentu. Pertentangan ini termasuklah perselisihan pendapat atau penentangan terhadap individu atau kelompok yang berkuasa. Menurut Ting Chew Peh (1985: 67), konflik adalah pertentangan secara langsung dan sedar di antara individu atau kelompok untuk mencapai matlamat bersama. Bagi mencapai matlamat bersama itu, pihak lawan yang terlibat dalam sesuatu konflik itu perlu ditewaskan terlebih dahulu. Dalam situasi konflik, disebabkan timbulnya perasaan permusuhan yang kuat, kerap kali menewaskan pihak lawan dianggap lebih penting daripada pencapaian matlamat. Teori-teori konflik menekankan konflik sebagai unsur utama dalam kehidupan sosial. Konflik dianggap sebagai perkara normal yang tidak dapat dielakkan.

Konflik yang berlaku itu perlu diselesaikan atau diseimbangkan. Pengawalan ini perlu untuk memastikan kesan yang lebih buruk tidak terjadi. Dalam menyelesaikan konflik yang berlaku itu perlu kepada orang tengah yang dianggap sah oleh semua pihak atau yang berkonflik tersebut. Peranan utama orang tengah ini ialah untuk menentukan penyelesaian yang adil bagi perkara-perkara yang diinginkan oleh ahli masyarakat tersebut. Untuk menyelesaikan konflik ini orang tengah tersebut memerlukan kuasa yang mencukupi dan diterima sebagai sah untuk menjalankan tugas menyelesaikan konflik yang berlaku. Perlunya kuasa dalam menyelesaikan konflik ini ditegaskan oleh Miller dan Rowe, dua orang sarjana sains politik yang juga menumpukan perbincangan politik kepada soal perhubungan antara konflik dengan pemuafakatan dalam masyarakat manusia. Andaian utama dalam pendekatan mereka itu berkisar di sekeliling persoalan bahawa ahli masyarakat mempunyai matlamat-matlamat yang berbeza, dan perbezaan matlamat ini membawa kepada pertelingkahan-pertelingkahan yang perlu dikawal sekiranya masyarakat itu mahu terus wujud. Pengawalan konflik dan penyeimbangan di antara konflik dan pemuafakatan ini memerlukan kuasa (Syed Ahmad Hussein 1994: 29-30).

Pertentangan ideologi

Ideologi dimaksudkan dengan fahaman atau landasan idea yang dianuti oleh seseorang individu atau sekumpulan masyarakat. Ideologi boleh difahamkan sebagai satu pegangan, anutan, pandangan atau sistem nilai yang menyeluruh tentang tujuan-tujuan yang hendak dicapai oleh sesebuah masyarakat. Adrono (1950:2) mendefinisikan ideologi sebagai suatu susunan atau organisasi pendapat, sikap, nilai dan melaluinya terdapat satu cara untuk berfikir dan bertindak tentang manusia dan masyarakat. Ball (1993: 283) Menerangkan bahawa apabila idea mengambil satu pendapat yang jelas, padu dan sistematik maka idea itu disebut sebagai ideologi politik. Walau bagaimanapun pendapat Ball ini tidak dipersetujui sepenuhnya oleh Alexander Groth. Groth (1971: 1-2) berpendapat idea-idea itu tidak perlu diatur, sistematik ataupun rasional. Beliau menulis:

“Ideologi itu mungkin sederhana dan berpecah-pecah, ia mungkin kompleks dan padu.

Ia mungkin ideologi yang berhubung dengan politik, ekonomi, agama, moral ataupun yang berhubung dengan hal-hal yang lebih khusus seperti pendidikan, harta dan kebudayaan harian. Apa yang perlu ia mesti berterusan dan meluas pengaruhnya”

Pertentangan ideologi selalunya mempunyai implikasi kepada persoalan-persoalan seperti siapa yang harus memerintah, bagaimana pemimpin dilantik, apakah prinsip-prinsip yang mendasari pemerintahan dalam menentukan pentadbiran, apakah institusi yang perlu diubah atau perlu dikekalkan atau yang perlu dibentuk dan bagaimana ini semua boleh terlaksana. Ideologi berhubung langsung dengan soal kuasa politik. Ia mengandungi dalil-dalil normatif untuk memperjuangkan sesuatu rancangan perubahan atau reaksi perubahan sedia ada. Ideologi boleh menentukan bagaimana manusia harus berkelakuan dan berfikir. Ia mempunyai kesan ke atas hakikat dan sifat semula jadi manusia, masyarakat dan alam. Ideologi juga mempertahankan sesuatu nilai, dan mempertikaikan sistem-sistem nilai yang lainnya. Justeru itu timbul perlingkahan di antara penganut ideologi yang berbeza ini. Pertelingkahan ini amat mendalam kerana ia telah dipandu oleh sistem kepercayaan yang mutlak dan unggul mengikut kepercayaan masing-masing (Syed Ahmad Hussain, 1994: 74).

Dalam novel *Busa Hati*, Arena Wati jelas sekali menampilkan tentang pertentangan berdasarkan kepada tiga buah parti politik iaitu Parti Kongsi, Parti Gunung dan Parti Kerbau. Parti Kongsi merupakan sebuah parti politik yang bersifat ideologi sekularisme dan liberalisme, Bagi Parti Gunung pula ideologinya bersifat sosialis untuk semua kaum di Sabah, tidak mengira kaum atau agama, manakala Parti Kongsi ideologinya lebih bersifat fundamentalis dan perkauman yang lebih mengutamakan masyarakat Kadazan-Dusun. Arena Wati memperlihatkan parti-parti politik ini telah didukung oleh pihak-pihak tertentu dalam memperjuangkan kepentingan masing-masing.

Ideologi yang telah digarapkan oleh pengarang memperlihatkan pertentangan yang ketara antara ketiga-tiga parti disebabkan perjuangan yang berbeza. Ekoran pertentangan ini, wujud

permusuhan dan pergaduhan sesama mereka. Hal ini misalnya berlaku kepada watak-wataknya iaitu Libun, Sadukong, Gibong, Boking, Bibah dan Theresa. Keenam-enam watak ini digambarkan oleh pengarang sebagai rumpun keluarga yang sudah terpecah akibat pegangan ideologi politik yang berbeza. Libun dan Sadukong merupakan pengikut Parti Kerbau, manakala Bibah dan Theresa pengikut Parti Gunung. Kesan daripada perpecahan ini secara tidak langsung menampakkan fahaman ideologi politik yang berbeza boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif terutamanya membawa kehancuran perhubungan dalam kekeluargaan. Dalam pada itu ia boleh membawa perpecahan dan masalah perpaduan di kalangan masyarakat

Pengarang menggambarkan, setiap parti politik itu didukung oleh pihak-pihak tertentu dalam memperjuangkan kepentingan masing-masing. Parti Kongsi adalah sebuah parti yang bersifat sekular dan materialistik, manakala Parti Gunung dan Parti Kerbau adalah dua buah parti yang bersifat cuba memperjuangkan hak-hak peribumi Sabah yang tertindas akibat angkara Parti Kongsi sebelum ini. Ini kerana, semenjak Parti Kongsi memerintah Sabah segala tanah yang dimiliki orang kampung kebanyakannya telah habis terjual. Begitu juga halnya dengan isu Labuan, di mana dengan mudahnya sahaja ia telah diserahkan oleh pemimpin Parti Kongsi kepada pihak persekutuan walhal Labuan merupakan antara daerah yang termasuk dalam kawasan negeri Sabah

Arena Wati melalui *Busa Hati*, melukiskan ketiga-tiga Parti Politik ke dalam karyanya dapat disamakan dengan parti politik di Sabah yang mengalami kemelut politik yang berpanjangan, sehinggalah ia cuba diselesaikan dalam era kepimpinan perdana menteri pada masa itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Parti Kongsi yang digambarkan oleh pengarang dalam novel ini sebenarnya merujuk kepada Parti Berjaya yang mana ia pernah dipimpin oleh Datuk Seri Harris Salleh, Parti Kerbau pula ialah sebuah Parti milik Kadazan-Dusun yang dipimpin oleh Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan dan nama sebenar parti ini iaitu Parti Bersatu Sabah. Manakala Parti Gunung seperti yang dilukiskan oleh pengarang ialah Parti USNO, di mana parti ini pernah dipimpin oleh Tun Mustaffa. Ketiga-tiga tokoh pemimpin politik ini pernah digeruni suatu ketika dalam kemuncak pergolakan politik yang pernah berlaku di Sabah. Dalam hal ini Junaidi Abu Bakar dan rakan-rakan (2012: 26-27) berpendapat;

“Kedinamikan politik Sabah sejak Pilihan Raya Negeri Sabah 1976 hinggalah sekarang sangat menarik untuk dikaji. Populariti dan ketokohan pemimpin parti politik yang memerintah sangat berpengaruh dalam menentukan kemenangan calon dalam PRU di negeri tersebut. Nama pemimpin sepereti Tun Datu Mustaffa, Tun Fuad Stephens, Tan Sri Datuk Panglima Haris Mohd Salleh, Datuk Rubin Balang, Datuk Seri Panglima Musa Aman, Dato’ Seri Anifah Aman dan Datuk Seri Shafie Abdal umumnya tidak asing lagi kepada rakyat Sabah. Mereka cukup popular dan berpengaruh dalam politik negeri tersebut”.

Pertentangan dan kekejaman

Melalui *Busa Hati*, pengarang memuatkan beberapa pertentangan yang berlaku dalam masyarakat Sabah. Di mana masalah pertentangan ini jelas dapat dilihat melalui watak-wataknya. Pertentangan ini wujud dalam beberapa situasi seperti perdebatan pendapat dalam menegakkan ideologi masing-masing. Permusuhan dan turut diikuti dengan tindakan-tindakan yang menjurus kepada kekejaman yang berhasrat untuk mencari kemenangan. Wujud

pertentangan di antara individu dengan individu, kelompok dengan kelompok dan pihak parti pembangkang yang didominasi oleh rakyat tempatan dengan kerajaan persekutuan yang telah membantu pihak Parti Kongsi. Pertentangan yang berlaku ini adalah disebabkan sama ada oleh perbezaan pendapat, perjuangan mahupun ideologi setiap parti tersebut. Melalui pertentangan itulah dapat kita lihat beberapa bentuk kekejaman yang berlaku seperti mana yang dilakukan oleh parti Kongsi kepada masyarakat pribumi Sabah memandangkan mereka berkuasa pada ketika itu, disamping mendapat sokongan moral dan bantuan kewangan daripada kerajaan persekutuan

Tidak kekejaman ini bukan sahaja dapat dilihat melalui parti Kongsi tetapi ia juga turut dilakukan oleh Parti Kerbau dan juga Parti Gunung. Bentuk kekejaman yang dilakukan oleh kedua parti ini sama seperti bentuk kekejaman yang dilakukan oleh Parti Kongsi, bila mana mereka tidak menjaga sensitiviti penduduk Patagas khususnya di Tanjung Dompel dengan meletakkan bahan kempen seperti poster, sepanduk, bendera and sebagainya dengan sesuka hati di kawasan perkuburan orang Islam yang merupakan tanah wakaf. Dalam pada itu juga, mereka telah menjadikan kawasan tersebut sebagai tempat menjalankan kempen secara besar-besaran;

“Di kubur ada masalah”, Suhaili melapor kepada ayahnya. “Orang Berkempen di Tanjung Dompel”.

“Masalah apa yang ditimbulkan orang kempen di situ”?

“Tiada pendengar”!

“Jangan naikkan darah ayah. Bagaimana berkempen jika tiada orang?”

“Mereka berkempen kepada orang mati? Mereka pujuk arwah di situ supaya bangun dari kubur pergi mengundi”?

“Poster mereka, ayah! Tiang bendera dan sepanduk penuh di sekeliling lubang kubur nenek dan kawasan Taman. Pengusung keranda tidak akan dapat lalu”.

“Laluan ke kubur terhalang”?

Suhaili mengangguk.

(hlm: 36)

Kesan daripada sikap dan tindakan ketiga-tiga buah parti ini juga telah menimbulkan kemarahan dalam kalangan penduduk Patagas. Ini disebabkan segala bahan kempen yang dipasang oleh ketiga-tiga parti dianggap mencemarkan tanah perkuburan di samping menghalang laluan. Kemarahan yang tercetus ini juga telah menyebabkan berlakunya pergeseran di antara penduduk Patagas yang diketuai oleh Pak Imam dengan pekerja-pekerja tiga buah Parti politik tersebut. Namun pergeseran yang berlaku ini hanya berpanjangan di antara penduduk Patagas dengan perkerja Parti Kongsi disebabkan kedegilan mereka dan telah menolak permintaan penduduk Patagas yang mahukan mereka mengambil semula bahan kempen yang telah dipasangkan di kawasan pekuburan tersebut. Manakala dua parti yang lain iaitu Parti Kerbau dan Parti Gunung, pergeseran ini dapat diselesaikan dengan mudah disebabkan akur dengan kehendak penduduk Patagas. Rentetan daripada itu, telah tercetusnya satu pergarduhan antara Pak Imam dengan salah seorang pekerja kempen Parti Kongsi sehingga mewujudkan ketegangan dalam masyarakat Patagas. Situasi ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

...Seorang pekerja kempen daripada Parti Kongsi meluru hendak menyelamatkan bendera, sepanduk dan poster mereka daripada api. Pak Imam berteriak, “Sudah terlambat”!

Rombongan Pak Imam berbaris di sisi unggun yang sedang marak. Seorang penyelia kempen Parti Kongsi mencabut parang codak daripada sarungnya.

“Jangan sendirian. Datang semua. Aku beli yang kalian jual”. Seru Pak Imam.

Pemilik parang itu menyeringai.

...Pengiring Pak Imam datang berkerumun. Pak Imam memberi isyarat suruh undur. Dia membuka serban dan mencabar pemilik parang.

“Datanglah cuba tunjukkan kejantananmu”!

Penyelia kerja kempen Parti Kongsi itu, melompati Pak Imam. Tetapi orang tua itu terbang dari meja tempatnya tegak. Sebelum hinggap di tanah, dari samping, Pak Imam kilaskan serbanya ke parang dan jolokkan sinding hujung jari ke halkum penyerangnya. Parang itu terpelanting dan pemiliknya terjelepak, mengelepar di atas pasir. Darah membuak dari mulutnya.

“Yang lain, rapat! Bela kawanmu”! Pak Imam seakan bertempik ke langit.

(hlm: 43)

Perebutan dan penyelewengan kuasa

Kekuasaan membawa erti kemampuan individu atau sesuatu kelompok untuk mempengaruhi tingkah laku individu atau kelompok lain yang sesuai dengan keinginan diri pelaku. Memiliki kuasa memberi peluang kepada seseorang individu memaksa individu lain melakukan sesuatu mengikut kehendaknya meskipun bertentangan dengan kemahuan individu itu. Polsby berpendapat seseorang itu boleh menganggap kuasa, pengaruh dan kawalan sebagai kemampuan seseorang pelaku membuat sesuatu yang akan mempengaruhi pelaku lain. Seseorang itu pula berkemungkinan mengubah peristiwa khusus pada masa depan. Hakikat begini boleh dibayangkan dengan paling mudah dalam keadaan membuat keputusan. Untuk menentukan siapa yang berkuasa, Polsby menambah:

“Mengenalpasti siapa yang menang dalam membuat keputusan merupakan cara terbaik untuk menentukan siapakah individu dan kumpulan yang mempunyai lebih kuasa dalam kehidupan sosial kerana konflik secara langsung antara pelaku-pelaku mewujudkan keadaan yang paling hamper dengan ujian, percubaan dan keupayaan mereka memberi kesan terhadap hasil yang timbul. Keputusan itu diancikan melibatkan konflik secara langsung.”

(Lukes, 1985: 6)

Dari sudut pandangan sains politik pula kuasa adalah sesuatu yang relatif dan bersifat perbandingan. Ia didefinisikan sebagai kebolehan seseorang individu atau kumpulan untuk mengubah kelakuan, fikiran atau tindakan individu lain mengikut keinginannya (Ramanathan Kalimutu 1988: 122). Robson (1954: 17-18) pula menanggap kuasa sebagai unsur utama dalam politik dan beliau menjelaskan:

"Ilmu politik sebagai ilmu yang memusatkan perhatian kepada perjuangan bagi tujuan memperolehi kuasa dan mempertahankan kekuasaan, melaksanakan kekuasaan, mempengaruhi pihak lain, ataupun menentang pelaksanaan kekuasaan. Tegasnya ilmu

politik mempelajari hal ehwal yang berkaitan dengan kekuasaan dalam masyarakat, tennasuk sifat, hakikat, dasar, proses-proses, ruang lingkup dan kesan-kesan kekuasaan.

Berikutan kekuasaan yang dimiliki oleh seseorang individu ataupun kumpulan iaitu parti yang memerintah, maka secara tidak langsung akan mewujudkan kecenderungan ke arah penyelewengan kuasa. Penyelewengan yang dilakukan boleh dilihat dan pelbagai sudut sama ada penyelewengan dan segi jawatan, kewangan dan sebagainya yang berkaitan dengan soal kekuasaan. Sikap tamak dan ingin menguasai satu-satu kawasan secara total telah mendorong kepada berlakunya sikap negatif ini. Dalam konteks ini, keadaan yang semacam ini sering terjadi dan sudah menjadi senario yang sukar untuk dibendung. Malah ja sudah merebak sehingga ke peringkat akar umbi. Rentetan daripada itu, maka akan berlakulah penyelewengan kuasa secara berleluasanya tanpa terkawal sehingga boleh mencetuskan penindasan.

Arena Wati dalam novelnya jelas menunjukkan wujudnya penyelewengan kuasa yang serius terutamanya di kalangan pemimpin parti pemerintah iaitu Parti Kongsi. Kuasa yang mereka miliki langsung tidak membawa kepada kebaikan, sebaliknya lebih membawa kepada kehancuran dan kemusnahan disebabkan kegilaan dan kelalaian mereka dalam mengaplikasikan kuasa yang ada. Penyelesaian sering dilakukan dengan cara kekerasan dan kekejaman sama ada dari segi fizikal mahupun psikologi, semata-mata untuk kepentingan sendiri. Tindakan ini secara langsung memberi kesan besar kepada masyarakat peribumi di Sabah, di mana mereka sering menjadi mangsa kekejaman dan penindasan. Hal ini dapat dilihat apabila seseorang individu itu ingkar dalam mematuhi sesuatu kehendak atau arahan daripada pihak yang berkuasa, dalam erti kata yang lain mereka tidak menyokong tindakan kerajaan yang dianggap menyalahi lunas-lunas masyarakat dan konteks sebuah negara bangsa. Pegawai yang telah dilantik ataupun berkhidmat di bawah pihak kerajaan sekiranya dianggap tidak menyokong kerajaan akan menerima padah misalnya ditukarkan di tempat kerja, jawatan dilucutkan atau sama sekali dibuang terus daripada berkhidmat dengan pihak yang memerintah. Keadaan ini juga telah diperkatakan melalui watak Zaitun seperti yang digambarkan oleh pengarang dalam novel Busa Hati.

“Ada yang sedar dan bersuara, tapi akibatnya, tanggung sendiri,” kata Zaitun. “Kalau pegawai, dia akan ditekan dan dipindahkan entah ke mana. Kalau dia guru, akan dipindahkan ke ceruk ulu negeri”.

(hlm 218)

Dengan berlakunya segala macam bentuk penyelewengan kuasa ini akan menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan rakyat dan keadaan ini juga akan menyebabkan mereka bangun untuk menentang dalam apa cara sekalipun. Dalam novel Busa Hati, situasi yang sama ini jelas beriak dalam watak Pak Imam. Walaupun tidak diancam secara langsung oleh parti pemerintah tetapi kemungkinan akan dilucutkan jawatan sebagai Imam di Petagas berikutan keengganannya dalam memberikan kerjasama kepada pihak pemerintah iaitu Parti Kongsi. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

“Pak Imam tidak takut kepada Ketua Menteri”? Tanya seorang pekerja kempen Parti Gunung. Piem dan orang Piem di belakangnya. Lebih dua ribu datang membantu dia”.
“Jawatan dia saya hormati. Saya Cuma takut kepada Tuhan”.

“Kalau Pak Imam dipecat daripadajawatan Imam”?

“Apa pula yang saya susahkan? Bila tidak jadi imam masjid saya masih jadi imam jamaah keluarga di rumah saya. Apa yang saya dapat daripada jawatan begitu? Nama dan bebanan saja. Rezekiku? Dan tanah dan laut. Kurnia Tuhan”.

(hlm. 43)

Pelbagai bentuk penyelewengan kuasa telah ditunjukkan dalam novel *Busa Hati*. Sebagai contoh pengambilan hak masyarakat dengan sewenang-wenangnya tanpa persetujuan daripada mereka yang berhak. Pihak pernenintah yang diketuai parti kongsi telah menggunakan kuasa yang ada mengambil sebahagian tanah Pak Imam di Tanjung Dampel untuk dijadikan taman permainan, walhal tanah tersebut sudah diwakafkan oleh Pak Imam kepada penduduk Patagas untuk dijadikan tanah perkuburan masyarakat Islam Patagas. Apa yang berlaku adalah sebaliknya, taman tersebut tidak memberi banyak faedah malahan ia membawa masalah sosial. Kawasan tanah tersebut telah dijadikan masyarakat muda mudi sebagai tempat melakukan maksiat. Ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Dengar sini”. Pak Imam bangkit. ‘Seluruh kawasan Tanjung Dampel, tanah pusakaku, kuwakafkan menjadi kuburan Orang Islam di Patagas’. “Sekarang sebahagian tanah itu kerajaan jadikan taman. Apa gunanya taman itu? Cuma berfaedah dua kali setahun pada hujung Syaban dan akhir Ramadhan, menjadi tempat rneninjau anak bulan. Selebihnya? Maksiat jantan betina termasuk jantan betina Islam yang bukan muhrim”. “Orang buat maksiat di taman sebelah kubur itu”? Pembuat nisan bertanya.

“Di taman itu. Malah di sisi dan di atas kubur juga”.

“Dari mana Pak Imam tahu”?

“Daripada mata dan telinga saya sendiri. Bekas orang mengelepar di atas pasir. Ada peninggalannya di atas bumi. Seluar dalam jantan dan betina. Sapu tangan. Kertas tisu. Semua peninggalan itu basah berlendir”.

(hlm. 37)

Rasuah dan politik wang

Rasuah merupakan antara amalan negatif yang dianggap begitu membimbangkan semua memerangnya sehingga ke peringkat akar umbi, namun amalan ini masih lagi sukar untuk dibendung atau dihapuskan. Penolakan masyarakat kepada masalah ini adalah perlu supaya kesejahteraan bangsa dan pembangunan negara tidak akan terjejas dan dicemari sama sekali disebabkan masalah rasuah. Rasuah juga boleh diungkapkan sebagai parasit merbahaya kerana kemampuannya yang dapat menghancurkan institusi sosial kemasyarakatan dengan mudah. Dalam arena politik, amalan rasuah agak sukar untuk dihapuskan malah ia sering berlaku dan sukar untuk dikawal. Kadangkala ahli-ahli politik akan menggunakan pelbagai helah untuk mengaburi mata pihak lain. Ia dianggap sebagai hadith atan pemberian ikhlas semata-mata untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendaki seperti meraih sokongan dan kemenangan. Tindakan ini dianggap sebagai teknik untuk mendapatkan kuasa tanpa disedari. Rasuah bukan sahaja diberi dalam bentuk wang tetapi juga melalui hadiah, janji kesenangan atau kemewahan mahupun menggunakan perempuan untuk memerangkap pihak lain.

Amalan rasuah kini dilihat lebih bersifat global, ianya dilihat lebih sinonim dengan arena politik dan berlaku dalam konteks yang lebih dikenali sebagai “politik wang”. Amalan ini bukan sahaja berlaku di negara-negara maju, malah turut berlaku di negara-negara yang sedang membangun. Amalan ini sering dilakukan oleh ahli-ahli politik dalam usaha meraih sokongan untuk mendapatkan kemenangan secara mudah. Amalan ini dianggap sebagai penentu kepada survival politikus di negara tersebut untuk meneruskan kesinambungan empayar politik mereka. Negara kita juga tidak terlepas dan amalan negatif ini. Atas dasar itu pentadbiran yang ada sekarang sedang berusaha untuk menangani masalah ini memandangkan rasuah merupakan kegiatan yang boleh menghancurkan institusi politik itu sendiri khususnya kepada keamanan negara.

Dalam arena politik di Sabah terutama apabila menjelang pilihanraya, amalan politik wang ini dilihat begitu mudah menular dan dilihat sebagai penyakit yang semakin sukar untuk dibendung, memandangkan ia dilakukan dalam pelbagai bentuk yang sukar untuk dikesan. Arena Wati dalam novelnya *Busa Hati* melihat amalan ini semakin membiak dan menular dalam kalangan politikus khususnya Parti Kongsi yang menguasai tampuk pemerintahan di Sabah. Permasalahan politik wang ini sebenarnya telah diperkatakan melalui wataknya, seorang pegawai konsulat iaitu Pak Suparto, di mana dia cuba menjelaskan kepada watak Basirun tentang amalan ini telah berlaku dalam pilihan raya. Situasi ini begitu jelas digambarkan oleh pengarang dan dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Kalau mereka ditabur, tentu pengaruh parti pemerintah meningkat”.

“Wang juga ditabur, Pak!”

“Apa katamu?”

“Wang diberi kepada rakyat. Setiap orang dewasa dapat lima puluh ringgit tunai daripada saham yayasan tempatan, dan seratus ringgit untuk saham nasional.”

(hlm. 45)

Pengarang juga telah menggambarkan sumber kewangan yang dimiliki Parti Kongsi dalam mengerakkan jentera pilihan raya adalah hasil daripada bantuan kerajaan pusat di Semenanjung. Sumber kewangan secara tidak langsung digunakan sebagai modal untuk membeli undi dalam usaha mereka mendapatkan sokongan dan kemenangan dalam pilihanraya.

Politik etnik

Isu perkauman tidak dapat dielakan dalam dunia politik. Ikatan etnik dan kaum yang kuat serta telah tersedia diwarisi sejak dahulu kala telah diamalkan sehingga kini dengan kaedah yang berbeza. Sistem kelas dalam ikatan kaum tidak dapat dielakan. Kewujudan sistem kelas itu sendiri telah menguatkan politik perkauman. Faktor etnik, agama dan kelas merupakan faktor pengikat dan penjalinan kerjasama yang penting di kalangan anggota-anggota masyarakat (Hirschman, 1975; Lim Mah Hui, 1980). Ikatan kesetiaan yang wujud, faktor-faktor pendorong dan penghalang kepada pertumbuhan ikatan kesetiaan dan juga hubungan dengan pencapaian perpaduan nasional berkait rapat dengan pembawaan ideologi untuk tujuan kuasa dan pengaruh. Dalam masyarakat berbilang kaum dan etnik, berbagai ikatan kesetiaan wujud di kalangan anggota-anggotanya. Ada ikatan yang mengikut garis etnik dan ada beberapa ikatan merentasi

garis etnik dan kaum. Seseorang individu mungkin akan memilih beberapa ikatan kesetiaan untuk kebaikan dan kepentingannya. Sungguh pun begitu individu yang mempunyai beberapa ikatan kesetiaan yang terpaksa menyesuaikan ikatan kesetiannya ita dengan kepentingannya. Dorongan yang paling kuat bagi pembentukan kumpulan manusia ialah keperluan untuk melindungi dan menambahkan hak seseorang individu terhadap prestige, kuasa dan kekayaan yang ada dalam masyarakat itu.

Dalam masyarakat berbilang kaum dan etnik yang kumpulan etniknya bersaing antara satu sama lain, untuk merebut sumber kekayaan yang sama, seruan-seruan yang menggunakan faktor etnik biasanya dengan mudah dapat mengumpul sokongan daripada anggota-anggota kumpulan etnik itu. Penekanan yang terlalu kuat ke atas faktor etnik dan persaingan antara kumpulan etnik yang berlainan bagi mendapatkan peluang-peluang ekonomi dan kekuasaan politik boleh menjejaskan usaha-usaha memupuk persefahaman dan perpaduan rakyat.

Pada masa kini, ikatan perkauman dan etnik memainkan peranan yang amat penting. Hampir seluruh kegiatan, tindakan dan pergerakan adalah berasaskan kepada etnik dan kaum. Keadaan demikian akan terus wujud selagi kumpulan-kumpulan etnik di smi dapat memberi kemudahan, kebaikan dan keuntungan kepada anggota-anggotanya. Dengan memberi keuntungan dan memenubi tuntutan anggota-anggotanya, kumpulankumpulan etnik ita alcan dapat memperkuat perasaan etnik, identiti etnik dan sempadan kumpulanya. Keadaan ini sudab tenth boleh menambali bagi ketegangan dan pertentangan di antara kumpulan etnik (Vasil, 1971).

Sebaliknya pula persaingan untuk mendapatkan kuasa ekonomi dan politik ini boleh juga mendorong pembentukan ikatan kelas (Stenson, 1980) Apabila wujud golongan yang merasa bahawa ikatan kesetiaan etnik dan kaum tidak mengubah nasib mereka dan tidak pula berjaya memenuhi tuntutan mereka, ketika itu mereka akan bersatu dengan anggota-anggota dan pelbagai kumpulan etnik yang mempunyai nasib dan kepentingan ekonomi yang sama. Kepentingan yang sama dikalangan rakyat (baik dan bidang sosial, ekonomi dan politik) yang merentasi garis etnik yang akan mendorong kepada pertumbuhan kesedaran kelas dalam kalangan mereka kemudiannya dengan perlahan-lahan akan melemahkan identiti etnik.

Di Sabah misalnya kegiatan parti politik yang bersifat etnik atau perkauman begitu jelas dan ketara. Situasi ini muncul berikutan ketidak puasan hati sesuatu etnik terhadap apa yang dialami seperti penindasan. Ini bermaksud sesuatu etnik itu telah dipinggirkan sama ada secara sengaja atau tidak dalam arus pembangunan yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, politik dan juga pendidikan. Justeru akan muncullah seseorang pemimpin yang kononnya berjuang untuk kemajuan etniknya sendini dan ini sekaligus akan memberi impak kepada parti tersebut ataupun pemimpin yang mewakilisatu-satu golongan. Kaum yang mempunyai jumlah yang agak ramai atau majoriti di satusatu kawasan sudah semestinya akan menjadi dominan sekaligus 'suara' kaum tersebut akan mempengaruhi setiap keputusan dalam ha! pembangunan masyarakat setempat.

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas sekali dapat dilihat dalam novel *Busa Hati*, pengarang telah menggarapkan beberapa isu perkauman yang berbangkit disebabkan oleh situasi politik yang berlaku. Hal ini juga digambarkan melalui Parti Kerbau yang telah memenangi pilihan raya selepas meraih kerusi majoriti. Tindakan Parti Kerbau dalam merangka jentera pentadbiran baru untuk negeri Sabah dilihat lebih berat kepada kawan Kadazan-DU5 dengan meletakkan beberapa dasar dan kepentingan dalam usaha 'memelihara' survival kaum tersebut

agar tidak terpinggir dan tertinggal jauh dengan kaum-kaum yang lain. Situasi ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Pertama, jawatan pentadbiran kerajaan negeri dan perbadanan berkanun mesti dipegang Kadazan-Dusun 93%, Melayu-Islam, Munit, Rungus dan Cina 7%. Kedua, kebudayaan Kadazan-Dusun menjadi teras dan identiti kebudayaan Negeri Sabah, dan akan diserapkan ke dalam kebudayaan kebangsaan Malaysia. Kebudayaan Melayu-Islam dan lain-lain diletakkan sebagai subetnik di Sabah. Ketiga, seluruh biasiswa pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri, dipastikan 80% untuk Kadazan-Dusun, dan 20% untuk kaum lain. Keempat, orang Melayu-Islam dalam jawatan pentadbiran kerajaan negeri dan badan berkanun ditawarkan biasiswa untuk mereka melanjutkan pelajaran di luar negeri dengan syarat mereka kosongkan jawatan yang mereka pegang, untuk segera diisi orang Kadazan-Dusun. Kelima, mendesak Ketua Menteri supaya jawatan kuasa sementara dikekalkan secara rasmi menjadi pusat pelindung hak Kadazan-Dusun dan di bawahnya, dibentuk berbagai-bagai jawatankuasa kecil yang ditempatkan di setiap kementerian kerajaan negeri. Keenam, pusat pelindung hak Kadazan-Dusun berhak berhubung dan bekerjasama dengan seluruh badan peringkat negeri, peringkat nasional dan peringkat antarabangsa, yang tidak bertentangan dengan tujuannya.

(hlm.302)

Diskriminasi kaum yang dicetuskan oleh Parti Kerbau seperti yang digambarkan oleh pengarang dalam petikan di atas adalah disebabkan kaum Kadazan Dusun pernah mengalami penindasan semasa berada di bawah pemerintahan sebelumnya iaitu Parti Kongsi, yang mementingkan kekayaan dan kroni. Semasa Parti Kongsi memerintah Sabah kebanyakan sumber hasil negeri telah diagihkan kepada kaum bukan bumiputera khususnya kepada kaum Cina. Akibat daripada ketidakseimbangan dalam mengagihkan hasil negeri ini telah membangkitkan semangat dan kesedaran kepada kaum Kadazan-Dusun untuk menentang dan seterusnya memerintah. Setelah Parti Kerbau berjaya merampas tampok pemerintahan daripada Parti Kongsi melalui hasil kemenangan pilihanraya secara tidak langsung memberikan tempat dan keistimewaan yang begitu luas untuk kaum Kadazan-Dusun di Sabah berbanding dengan kaum-kaum yang lain.

Lompat parti

“Lompat parti” merupakan satu istilah yang sering digunakan dalam arena politik tanahair. Ianya merupakan satu permasalahan yang serius berlaku dalam duma politik dan sering terjadi kepada mereka yang tidak mempunyai pendirian yang tetap dan kukuh disebabkan mementingkan kekuasaan dan populariti. Selain daripada itu, sikap yang terlalu mementingkan soal kekayaan turut dianggap sebagai salah satu jagi punca kepada masalah ini boleh berlaku. Ini kerana politik dianggap oleh sesetengah pihak sebagai medan untuk mengaut keuntungan berlipat kali ganda secara mudah.

Biasanya masalah ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan wakil rakyat, malah ia turut berlaku dalam kalangan mereka yang mempunyai jawatan dalam pertubuhan atau kumpulan parti politik. Akibat daripada permasalahan ini, ia boleh menimbulkan satu implikasi yang besar

dalam perkembangan dunia politik dan secara tidak langsung boleh menimbulkan satu bentuk budaya dalam masyarakat politik. Salah satu ciri budaya dalam permasalahan lompat parti ialah hipokrit.

Masalah yang berlaku ini juga berpunca daripada kelemahan parti dalam mengerakkan peranannya kepada masyarakat, sedangkan peranan ini harus dimainkan bagi memperjuangkan nasib rakyat yang mana sering tertindas disebabkan masalah ekonomi, sosial dan sebagainya. Jika peranan ini tidak dapat dimainkan oleh mereka, maka ia boleh menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat. Ini secara tidak langsung mewujudkan rasa kurang percaya terhadap sesuatu perjuangan yang mereka sedang perjuangkan. Justeru parti tersebut akan hilang populariti dalam kalangan rakyat sekaligus menyukarkan mereka untuk meraih undi atau sokongan daripada rakyat. Keadaan ini akan menyukarkan survival sesuatu parti politik dan alcan menyebabkan mereka semakin dilupakan dan terpinggir dalam arena politik.

Melalui *Busa Hati*, pengarang telah menggarap permasalahan ini dan melalui watak-watak yang digarap dalam novel ini. Gejala lompat parti ini dilukiskan melalui watak Gimbi. Gimbi seorang pemimpin yang tamakkan kuasa dan mementingkan diri sendiri. Gimbi telah keluar daripada parti Kongsi dan menyertai parti Kerbau. Situasi lompat parti tersebut dapat dilihat dalam petikan:

“sebelum tengahari tadi, Gimbi sudah diterima naik Kerbau, dan dilantik menjadi setiausaha cawangan baru parti kerbau di Loyang. Ahlinya terdiri daripada bekas Kongsi, yang bersama-samanya telah meninggalkan parti yang kalah itu malam tadi”

(hlm. 301)

“Dia tidak akan hiraukan jika orang menuduh dia penganut politik lompat-katak kerana dia tahu hal yang sedemikian lazim di Sabah...”

(hlm. 306)

Kesimpulan

Busa Hati lahir daripada mimpi-mimpi buruk Arena Wati terhadap perlakuan orang politik dan pergolakan politik yang berlaku. Novel yang lahir daripada emosi marah ini tidak menjanjikan estetika yang indah untuk dinikmati oleh khalayak pembaca kerana novel ini secara keseluruhannya hodoh kerana kehodohan itulah yang ingin ditimbulkan oleh pengarang. Perlakuan pemimpin politik yang secara fizikalnya menonjolkan imej baik, beriman dan patut kepada ajaran agama hanyalah topeng kepada kehidupan mereka yang sebenarnya. Ini diikuti pula beberapa perlakuan hodoh politikus dalam mendapat dan mengekalkan kuasa yang dimilikinya.

Secara tersiratnya *Busa Hati* menggarap kemelut politik negeri Sabah. Antara permasalahan yang cuba disampaikan oleh pengarang termasuk pertentangan ideologi, perebutan dan penyelewengan kuasa, penindasan dan kekejaman serta beberapa gejala buruk dalam arena politik seperti politik-wang dan gejala lompat parti. Permasalahan politik yang digambarkan oleh pengarang bertolak daripada permasalahan sebenar yang berlaku dalam kalangan masyarakat Sabah.

Ringkasnya, karya sastera bukan lahir dalam ruang yang kosong, apa yang dilukiskan oleh pengarang bertolak daripada realiti yang berlaku dalam masyarakat. Segala peristiwa politik yang berlaku diolah kembali oleh pengarang dengan imaginasi, kreativiti, ideologi yang

dipegang serta wawasan seseorang pengarang. Apa yang terkandung dalam novel baik secara tersurat dan tersirat sangat berguna untuk kajian perkembangan dan perubahan politik negara. Sesungguhnya Busa Hati akan menjadi media pengucapan politik para sasterawan. Persoalan yang diangkat oleh pengarang seperti pertentangan dan permusuhan antara ahli parti, amalan politik wang dan wujudnya politik berasaskan etnik adalah realiti daripada persekitaran dan dipersembahkan dalam bentuk realiti kreatif.

Rujukan

- Arena Wati (2002) *Busa Hati*. Bangi; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baha Zain (2002) *Esei dan Puisi Baha Zain: Tentang Penulis dan Persekitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ball AR (1993) *Politik dan kerajaan Moden*. Terj. S.Ahmad Hussein, Loh Fong Fong dan Wong Seat Tho. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Conn P (1971) *Conflict and decision making: an introduction to political science*. New York : Harpar & Row publisher.
- Flechtheim OK (1952) *Foundamentals of Political Science*. New York Press Co.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jani dan Novel Lyndon (2012) Pengaruh populariti calon, sentiment nasional dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah dalam *Geografia Online*, isu 8.
- Simmel G (1966) *Conflict and theory of group afflications*. Terj. Reinhard Bendix. New York: The Free Press.
- Syed Ahmad Hussein (1994) *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ting Chew Peh (1980) *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.